

02/08/1999

Janji BN kepada rakyat bukan omong kosong

Dzulkfley Zanudin

SEJAK kebelakangan ini, banyak isu ceramah pembangkang di Perak dianjurkan oleh Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP, menghentam kerajaan dan pemimpin.

Dalam satu ceramah politik di Tapah, baru-baru ini, seorang `orang baru' dalam politik pembangkang begitu lantang membidas kerajaan, termasuk menyatakan hasratnya mengarahkan polis menahan pemimpin negara ini seandainya parti mereka menang nanti.

Apakah sebenarnya menyebabkan parti pembangkang besar kepala?. Apakah mereka berasa mereka sudah benar-benar kuat hingga berani membuat ramalan kemenangan mereka. Ramalan kemenangan mereka hanya berdasarkan kedatangan orang ramai ke ceramah mereka. Mereka begitu ghairah memasang angan-angan tinggi.

Orang ramai, sama ada di kampung atau bandar memang suka mendengar pidato yang berapi-api sesetengah pemimpin pembangkang tetapi belum pasti mereka mengundi pembangkang pada pilihan raya umum nanti. Ada juga yang mahu mendengar `lawak jenaka' yang sering diselitkan oleh penceramah mereka.

Perak yang mempunyai 52 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 23 kerusi Parlimen kini hanya diwakili dua pembangkang, masing-masing di DUN Sitiawan yang dimenangi pada pilihan raya umum 1995.

Kerusi Parlimen Teluk Intan hanya terlepas kepada calon DAP pada pilihan raya kecil 1997 apabila calonnya menewaskan calon BN dari Gerakan. Satu lagi pilihan raya kecil membabitkan DUN Changkat Jering tahun yang sama menyaksikan calon BN (Umno) mengekalkan kerusi itu menewaskan calon Pas.

Sejak berakhirnya pilihan raya umum 1995, pembangkang, terutama DAP yang turut dilanda krisis dalaman, tetap berusaha keras untuk merampas semula kerusi yang terlepas kepada BN.

Kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak mulai hari ini dapat menjelaskan kepada rakyat mengenai isu politik yang dibangkitkan oleh pembangkang dan memberi keyakinan kepada mereka bahawa kerajaan benar-benar ikhlas membawa mereka ke alaf baru yang lebih bermakna.

Dalam lawatan kerja sehari setengah Perdana Menteri ke Ipoh ini boleh dijadikan pentas untuk menangkis tohmahan pembangkang terhadap kerajaan di negeri ini.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan amanat penting kepada 50,000 rakyat semua kaum di Stadium Perak pada malam hari pertama lawatannya, termasuk bagi menangkis pelbagai fitnah dan dakwaan pembangkang.

Janji BN kepada rakyat bukan omong kosong, sebaliknya dibuktikan menerusi kegigihan kerajaan melaksanakan pelbagai projek pembangunan, serta mengemudi rakyat mengharungi pusaran kegawatan ekonomi. Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara ini semakin jelas, termasuk kemasukan pelaburan asing bernilai RM160 juta ke Perak, baru-baru ini.

Malah, Pengerusi Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) cawangan Perak, Datuk Lew Chin Hoi, berkata pengilang di Perak kagum dengan penawar tersendiri Dr Mahathir bagi memulihkan kegawatan ekonomi negara, sekali gus memberi sinar baru kepada mereka untuk meningkatkan perniagaan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi BN negeri pula berkata kewibawaan kepimpinan Dr Mahathir sebagai inspirasi perpaduan rakyat negara ini mampu memastikan kemenangan mutlak BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Hanya Perdana Menteri serta BN boleh menyatu padukan rakyat berbilang

kaum serta menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial. Rakyat boleh membuat perbandingan sendiri antara kemampuan kerajaan memulihkan semula ekonomi serta mewujudkan kestabilan politik dengan pergolakan di negara jiran.

Ramli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata, sokongan orang ramai, termasuk di Perak kepada BN sekarang, terutama pengundi Cina di bandar-bandar yang dulu pernah menjadi kubu kuat DAP, kini meningkat.

Kunjungan Dr Mahathir amat bermakna buat rakyat semua kaum, bagi mencetuskan pandangan bernas untuk pembangunan negeri ini, termasuk di bidang pelancongan. Malah, berkat pandangan Dr Mahathir jugalah menjadi pendorong kepada pembangunan Tasik Bukit Merah sebagai resort taman tema terkenal di utara tanah air, selain buah fikirannya bagi memperkenalkan lagi keunikan Pulau Pangkor Laut.

Dalam pada itu, kunjungan ke Perak ini, sama seperti lawatan ke negeri lain sebelum ini ditafsirkan sesetengah pihak sebagai `sesi memanaskan badan' menjelang pilihan raya umum akan datang. Namun yang lebih penting ialah kehadiran Perdana Menteri boleh menjawab tohmahan pembangkang terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN), terutamanya isu yang dibangkitkan di negeri ini.

Ketika di Ipoh juga, Dr Mahathir akan melancarkan program khas pembinaan rumah kos rendah di Taman Bercham Raya, Ipoh pada hari terakhir lawatannya.

Program khas pembinaan rumah kos rendah itu diperkenalkan kerajaan negeri bagi mempercepatkan proses penyediaan kemudahan rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Kerajaan negeri menetapkan sasaran membina lebih 9,000 unit rumah kos rendah yang perlu disiapkan sebelum akhir 2000.

(END)